# Tinjauan Makroekonomi

## SOROTAN PENTING

- Pertumbuhan global berkembang pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2017, disokong oleh keadaan ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun yang bertambah baik.
- Ekonomi Malaysia kekal berada di atas landasan untuk mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada tahun 2017.
- Kadar inflasi mungkin telah memuncak pada suku pertama, namun prospeknya masih bergantung pada pergerakan dalam harga minyak.

### Pertumbuhan global berkembang pada kadar yang lebih cepat, disokong oleh keadaan yang bertambah baik merentas rantau

Pertumbuhan global pada permulaan tahun 2017 bertambah kukuh dengan pengumuman data ekonomi yang positif merentas rantau. Dalam ekonomi maju, penggunaan swasta terus menyokong aktiviti dalam negeri dengan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan kekayaan isi rumah yang kembali pulih. Data terkini menunjukkan prospek pelaburan yang lebih baik berbanding dengan tahun 2016, yang dijangka menghasilkan perdagangan global yang lebih kukuh. Pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun mendapat manfaat daripada pemulihan harga komoditi berikutan permintaan luar negeri yang bertambah baik. Prospek ini diperkukuh oleh permintaan dalam negeri yang mampan dalam keadaan persekitaran dasar yang menyokong. Berlatarkan keadaan ini, pertumbuhan global dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2017.

Meskipun menempuh perkembangan yang positif, masih terdapat risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan. Kebimbangan dalam jangka terdekat ialah perkembangan di Eropah yang mendorong kepada ketidakpastian dasar, seperti yang ditunjukkan oleh indeks ketidakpastian dasar ekonomi yang lebih tinggi pada suku pertama. Kesan jangka pendek mungkin lebih ketara dalam pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, keadaan pembiayaan yang berubah akan memberikan kesan kepada aktiviti ekonomi benar. Ancaman daripada perlindungan perdagangan (protectionism) dan perkembangan negatif dalam harga komoditi utama juga merupakan faktor risiko di bawah pemantauan Bank.

Rajah 44: Pertumbuhan KDNK Benar

**Unjuran pertumbuhan bertambah baik merentas rantau pada tahun 2017**




Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Rajah 45: Indeks Ketidaktentuan Polisi Ekonomi Global

Ketidaktentuan polisi ekonomi global yang lebih tinggi




---- 2010 - 2016 purata.

Sumber: Baker, Bloom dan Davis

Rajah 46: Indeks Pelopor Komposit

Penunjuk Utama Menunjukkan Ekonomi dalam Negeri Terus Berkembang




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 47: Indeks MIER Sentimen Pengguna dan Keadaan Perniagaan

Penunjuk Sentimen Bertambah Baik pada S1 2017




Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

## Ekonomi Malaysia kekal di atas landasan untuk mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada tahun 2017

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada suku pertama 2017, didorong terutamanya oleh aktiviti permintaan dalam negeri. Memandang ke hadapan, penunjuk utama seperti indeks pelopor komposit Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Keadaan Perniagaan MIER dan Indeks Sentimen Pengguna MIER menunjukkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang berterusan. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan upah dan pekerjaan yang terus meningkat, di samping sokongan tambahan daripada pelbagai langkah dasar untuk meningkatkan pendapatan boleh guna. Aktiviti pelaburan dijangka berkembang, didorong terutamanya oleh pelaksanaan projek-projek baharu dan yang sedang berjalan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Harga komoditi yang stabil juga dijangka menyokong aktiviti pelaburan dalam sektor perlombongan. Dalam sektor luaran, eksport dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang bertambah baik, terutamanya dalam kalangan rakan perdagangan utama Malaysia. Secara keseluruhan, ekonomi dijangka terus berkembang sepertimana yang diunjurkan pada tahun 2017.

Dari segi penawaran, peningkatan perdagangan luar negeri akan memberikan manfaat kepada industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, terutamanya industri E&E dan perkhidmatan berkaitan perdagangan. Sektor pertanian akan terus pulih berikutan hasil minyak sawit mentah yang bertambah baik selepas kejadian El Niño. Pertumbuhan sektor perlombongan dijangka mendapat sokongan daripada pengeluaran yang lebih tinggi di loji-loji minyak dan gas yang baharu. Dalam sektor pembinaan, projek kejuruteraan awam yang baharu dan sedia ada akan memacu sektor tersebut pada masa hadapan.

## Inflasi dijangka sederhana pada suku kedua dan seterusnya

Inflasi meningkat kepada 4.3% pada suku pertama 2017, didorong oleh kos yang lebih tinggi, namun kadar inflasi dijangka lebih rendah pada suku kedua dan seterusnya. Walau bagaimanapun, berbanding dengan ramalan pada awal tahun 2017, risiko harga minyak global menjadi tinggi telah meningkat berikutan ketegangan geopolitik yang semakin ketara di Timur Tengah dan kemungkinan tempoh perjanjian pengurangan pengeluaran oleh OPEC dilanjutkan. Meskipun kesan perkembangan ini ke atas harga minyak global masih terhad pada masa ini, namun jika ini terus berlaku, inflasi boleh meningkat pada kadar purata yang lebih tinggi berbanding dengan ramalan.